

ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU TADIKA ISLAM BERDASARKAN PERSPEKTIF GURU

TRAINING NEED ANALYSIS FOR ISLAMIC PRESCHOOL TEACHER'S PROFESSIONALISM DEVELOPMENT BASED ON TEACHER'S PERSPECTIVE

Norazly Nordin¹
Mohd Shawani Ahmad Sabri²
Jasman Nurdin³
Noor Nadhirah Rosli⁴,
Siti Syazwani Zulkuple⁵

¹ Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: norazly@ucmi.edu.my)

² Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: shawani@ucmi.edu.my)

³ Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: jasman@ucmi.edu.my)

⁴ Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: nadhirah.rossli@ucmi.edu.my)

⁵ Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Kuala Lumpur, Malaysia, (E-mail: syazwani@ucmi.edu.my)

Article history

Received date : 13-7-2022
Revised date : 14-7-2022
Accepted date : 9-10-2022
Published date : 15-10-2022

To cite this document:

Nordin, N., Ahmad Sabri, M. S., Nurdin, J., Rosli, N. N., & Zulkuple, S. S., (2022). Analisis Keperluan Latihan Pembangunan Profesionalisme Guru Tadika Islam Berdasarkan Perspektif Guru. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 1 - 8.

Abstrak: *Profesionalisme guru tadika dapat dikembangkan menerusi latihan-latihan pembangunan profesional yang bersesuaian. Pada umumnya latihan pembangunan profesionalisme dijalankan dalam bentuk kursus, seminar, bengkel, wacana dan perkongsian. Perancangan mengenai kandungan latihan hendaklah dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan latihan yang diberikan memenuhi kehendak dan keperluan semasa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah jenis-jenis latihan yang diperlukan oleh guru tadika Islam di Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan menggunakan pendekatan perbincangan kumpulan berfokus untuk mendapatkan maklumat. Seramai enam orang guru tadika Islam telah terpilih sebagai peserta kajian. Data dianalisis menggunakan teknik analisis tematik bagi mendapatkan tema dan jenis latihan yang diperlukan. Dapatan kajian menunjukkan beberapa kelemahan yang dikenalpasti dan perlu ditambahbaik oleh guru tadika Islam iaitu penggunaan teknologi dalam pengajaran, pengajaran bahasa Inggeris, menjalankan pentaksiran perkembangan kanak-kanak, kawalan tingkahlaku kanak-kanak, membangunkan alat bantu mengajar dan membuat pengesanan kanak-kanak berkeperluan khas. Sehubungan dengan itu jenis-jenis latihan yang diperlukan adalah Kursus Informasi Teknologi untuk Pengajaran, Pengurusan Tingkahlaku Kanak-Kanak, Kursus Pengendalian Emosi,*

Bengkel Penghasilan Bahan Bantu Mengajar, Pengurusan Bilik Darjah, Pentaksiran Kanak-Kanak, Kolaborasi Ibumama dan Komuniti, Mengenali Kanak-kanak Berkeperluan Khas dan Kursus Pedagogi terkini. Hasil kajian ini amat berguna kepada pentadbir atau pihak berwajib yang mengendalikan latihan sebagai satu asas kepada perancangan latihan pembangunan profesionalisme guru tadika Islam.

Kata Kunci: *keperluan latihan guru tadika, pembangunan profesionalisme, tadika Islam*

Abstract: *The professionalism of kindergarten teachers can be developed through appropriate professional development training. In general, professionalism development training is conducted in the form of courses, seminars, workshops, discourses and sharing session. Planning on the content of the training should be carried out in advance to ensure that the training provided meets the current needs and requirements. This study aims to identify what types of training are required by Islamic kindergarten teachers in the Federal Territory of Labuan. This study is a qualitative study and uses a focus group discussion approach to obtain information. A total of six Islamic kindergarten teachers were selected as study participants. Data were analyzed using thematic analysis techniques to obtain themes and types of training required. The findings show some weaknesses identified and need to be improved by Islamic kindergarten teachers, namely the use of technology in teaching, teaching English, conducting assessment of child development, control of children's behavior, developing teaching aids and identifying children with special needs. Accordingly, the types of training required are Information Technology Course for Teaching, Children Behaviour Management, Emotional Management Course, Teaching Aids Development Workshop, Classroom Management, Child Assessment, Parent and Community Collaboration, Getting to Know Children Special Needs and the latest Pedagogy Courses. The results of this study are very useful to administrators or authorities who conduct training as a basis for training planning for the development of professionalism of Islamic kindergarten teachers*

Keywords: *training need of kindergarten teacher, professionalism development, Islamic Kindergarten.*

Pengenalan

Tadika Islam sebenarnya telah mula wujud di Malaysia sejak tahun 1960-an lagi. Ianya dimulakan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang mempunyai jenamanya sendiri yang dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) yang masih kekal ada sehingga ke hari ini. Di samping itu, tadika yang bercorak Islamik ini juga telah dimulakan oleh Pasti Islam Se-Malaysia (PAS) yang membuka Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) yang pada hari ini masih lagi mendapat tempat dalam masyarakat pada hari ini.

Rentetan daripada itu, pihak kerajaan menerusi Majlis Agama Islam juga telah mula membuka Tadika yang bercorak Islamik ini. Sebagai contohnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) yang mengelola 50 tadika di negeri kedah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang mempunyai 14 prasekolah, dan tidak terkecuali juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang kini mempunyai 79 buah tadika di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Tadika yang bercorak Islamik kini mendapat tempat dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Menurut Zainurin Dahari dan Mohd Sabri Ya (2011) ibu bapa yang Melayu Islam pada hari ini

lebih cenderung untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika Islam berbanding dengan tadika yang konvensional. Perkara ini terjadi kerana mereka lebih berkeyakinan bahawa tadika Islam menyediakan pembelajaran penghayatan nilai-nilai Islam, praktis ajaran Islam dan mampu menjadikan anak-anak mereka mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk para guru di tadika Islam diberikan latihan secukupnya bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di tadika dapat dilaksanakan dengan baik dan berkualiti.

Syarat utama untuk menjadi guru tadika yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ianya guru seharusnya mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Diploma. Sungguhpun begitu menurut Laporan Berita Harian bertarikh 12 Disember 2019, sejumlah besar guru tadika di Malaysia tidak mempunyai kelayakan yang sewajarnya. Fenomena ini menjelaskan dan membuktikan bahawa majoriti guru tadika tidak mempunyai latihan yang mencukupi dan perlu diberikan latihan yang secukupnya dan sewajarnya. Isu yang sama juga timbul dalam kalangan guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) dan Sekolah Rendah Islam (SRI). Menurut Affezah Ali et al (2017) majoriti guru sekolah yang bercorak Islam memerlukan latihan untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme mereka.

Sehubungan dengan itu, satu kajian keperluan latihan hendaklah dijalankan ke atas guru-guru di tadika Islam bagi mengenalpasti apakah latihan-latihan yang mereka perlukan selain untuk memastikan latihan yang diberikan bersesuaian serta menjadi lebih berkesan (Zuriani Hanim & Mahaliza Mansor, 2019).

Objektif kajian

Objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah:

- i. Meneroka permasalahan yang dialami oleh guru tadika Islam dalam konteks pengajaran dalam pembelajaran.
- ii. Menenalpasti jenis-jenis latihan yang diperlukan oleh guru-guru tadika Islam di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kajian Literatur

Sememangnya untuk menjadikan seorang guru menjadi lebih profesional dan kompeten dalam menjalankan tugas, latihan pembangunan profesional hendaklah dijalankan secara berterusan. Dalam hal itu, latihan haruslah berfokus kepada elemen pengajaran berkualiti seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dari aspek pengetahuan, para guru tadika perlu dimantapkan lagi bagi memastikan para guru dapat mengetahui dan menguasai pedagogi terkini serta bersesuaian dengan murid. (Abdul Halim Masnan, Nur Ellina & Nur Arifah, 2019).

Latihan pembangunan profesional dilihat berupaya untuk meningkatkan kompetensi guru tadika dalam menjalankan tugas serta mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran bersama kanak-kanak (Zdanevych, Kruty, Tsehelnik, Pisotska & Kazakova, 2020). Perkara ini juga diakui oleh sebilangan guru prasekolah kebangsaan yang beranggapan bahawa latihan-latihan yang diberikan kepada mereka memberikan kesan yang baik kepada diri mereka (Zuriani Hanim & Mahaliza Mansor, 2019). Oleh itu, perancangan latihan pada peringkat awal seperti membuat penilaian terhadap keperluan latihan dalam kalangan guru akan menjadikan latihan yang akan diberikan menjadi lebih efektif dan memenuhi keperluan semasa.

Namun demikian, cabaran guru tadika pada masa kini adalah berbeza dengan guru tadika pada masa dahulu. Menurut Chuanmei Dong (2018) antara cabaran terbesar guru tadika pada masa kini adalah guru-guru berdepan dengan kanak-kanak yang sangat pintar tentang teknologi informasi dan teknologi atau ICT. Perkara ini menuntut para guru untuk mengintegrasikan ICT dalam kurikulum dan amalan pedagogi di tadika. Bukan sekadar itu, para guru juga dituntut untuk menggunakan ICT untuk tujuan komunikasi dan kolaborasi antara kanak-kanak serta keluar mereka. Dapatan kajian Chuanmei Dong (2018) ini juga menunjukkan para guru tadika memerlukan latihan berterusan mengenai pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk meneroka permasalahan guru tadika Islam dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dan mengenalpasti latihan yang mereka perlukan. Creswell (2014) menyatakan bahawa kajian kualitatif ialah reka bentuk penyelidikan yang membolehkan penyelidik membuat analisis mendalam tentang sesuatu kes, program, peristiwa, aktiviti atau proses yang melibatkan seorang atau sekumpulan individu.

Bagi mendapatkan data mengenai keperluan latihan guru-guru tadika Islam, satu temubual kumpulan berfokus atau focus group discussion (FGD). Teknik FGD telah digunakan dalam banyak kajian sains sosial mengupas dan meneroka isu-isu atau fenomena secara mendalam (Nyumba, Wilson, Derrick & Mukherjee, 2018 & Merriam, 2009).

Informan kajian

Yin (2009) bahawa dalam kajian kualitatif tidak ada peraturan yang rigid perlu dipenuhi dalam menentukan saiz informan kajian tetapi jumlah peserta yang besar lebih baik kerana mampu menyumbang kepada data yang lebih meyakinkan. Namun demikian menurut Miles & Huberman (1994), biasanya dalam penyelidikan kualitatif informan atau peserta kajian dipilih dalam jumlah yang kecil bagi mendapatkan maklumat secara mendalam dan berfokus.

Merriam (2009) menyatakan bahawa bilangan informan yang ideal bagi menjalankan FGD adalah di antara enam hingga sepuluh orang. Informan kajian yang dipilih haruslah mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam satu-satu bidang atau isu yang dikaji. Sehubungan dengan itu, seramai enam orang guru tadika Islam di Wilayah Persekutuan Labuan yang mempunyai tempoh pengalaman melebihi lima tahun. Bagi memudahkan analisis data, setiap informan kajian diberikan kod tersendiri. Penerangan mengenai demografi informan kajian adalah diterangkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Demografi Informan Kajian

No.	Kod informan	Kelayakan akademik	Tempoh berkhidmat
1	G1	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	5 tahun
2	G2	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	10 tahun
3	G3	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	16 tahun
4	G4	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	17 tahun
5	G5	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak	5 tahun
6	G6	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	20 tahun

Kesukaran Menggunakan Teknologi

Para informan menyedari bahawa kepentingan penggunaan teknologi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan teknologi bukan sahaja membantu guru untuk mengakses maklumat dengan cepat tetapi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Para guru berdepan dengan masalah penggunaan teknologi untuk pengajaran di tadika. Perubahan dalam teknologi yang begitu cepat menyukarkan keadaan kerana tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mempelajari satu-satu teknologi. Masalah ini dirumitkan lagi apabila berdepan dengan kanak-kanak yang sudah mahir dan cepat mempelajari teknologi. Kanak-kanak lebih ke hadapan daripada guru kerana sudah terbiasa dengan teknologi seperti gajet-gajet yang terkini dan sering melayari internet di rumah.

“... bagi saya teknologi lah. Sukar untuk saya guna. Cepat betul berubah. Dulu belajar lain sekarang kena pakai lain lagi. Lagi pun sekarang ni kan budak-budak lebih cepat belajar dari kita. Diorang main internet di rumah. Kita mau tunjuk video, dia cakap dia sudah tengok ini di rumah...”

(G6)

Di samping itu, dengan berlakunya penularan Covid-19 yang mendesak sesi pengajaran dan pembelajaran dikendalikan secara maya, ianya menjadi masalah kepada para guru tadika Islam di Wilayah Persekutuan Labuan. Para guru menyatakan mereka kekurangan pendedahan mengenai bagaimana mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dari rumah dan menjalankan kelas secara maya dengan menggunakan platform pembelajaran dalam talian. Selain itu, tiada dasar yang tetapi mengenai penggunaan platform pembelajaran daripada pihak atas menyulitkan lagi keadaan. Para guru berbincang sesama mereka dan mempelajari penggunaannya semasa mereka.

“... sekarang kan belajar online. Kami pun keliru kejap mau pakai google meetlah, sekejap Zoom lah. Berubah-rubah. tidak tetap... Kami berbincang lah sama kami. Macam cikgu .. ini dia muda, boleh la ajar kami ini macam mana mau guna itu google meet la, zoom lah...”

(G6)”

Kesukaran Mengajar Bahasa Inggeris

Para guru juga mengakui bahawa pentingnya penguasaan bahasa Inggeris kerana ianya merupakan bahasa kedua di Malaysia serta bahasa perhubungan bagi peringkat antarabangsa. Subjek ini juga perlu diajarkan di peringkat Tadika kerana sememang sudah termaktub di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di bawah Tunjang Komunikasi. Selain daripada itu, bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa instruksi di tadika sebanyak 600 minit dalam seminggu (KSPK, 2017). Oleh yang demikian, para guru harus mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak.

Hasil daripada perbincangan berkumpulan, para guru menyatakan permasalahan mereka dalam mengajar matapelajaran bahasa Inggeris di tadika. Mereka berdepan dengan masalah untuk menjadi pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris lebih berkesan dan menyeronokkan. Kekurangan bahan serta ketandusan idea untuk merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran adalah merupakan faktor penyumbang kepada perkara ini. Para guru menyatakan bahawa mereka lemah dalam hal ini dan memerlukan latihan untuk mengatasinya. Antaranya juga mereka memerlukan pendedahan pendekatan pengajaran bahasa Inggeris yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak. Mereka memahami bahawa pendekatan yang sesuai

dengan umur akan menjadikan aktiviti pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan. Perkara ini disuarakan oleh informan kajian seperti yang berikut:

“ ... sekarang zaman sudah berubah. Dulu saya mengajar di Kafa, sekarang saya mengajar di Tadika, aura mengajar tu tidak sama. Sekarang saya perlu banyak cakap Inggeris dan ajar inggeris lagi pada budak-budak. Saya rasa perlulah kursus seperti itu, macam teknik mengajar bahasa inggeris untuk tadika. Macam dulu kami kursus ABAHATA. Kursus pengajaran jawi untuk kanak-kanak, sesuai untuk umur tadika jadi kami pun boleh apply kanak-kanak pun jadi seronok dan faham ... ”

(G4)

Memerlukan Pendedahan Dalam Mencipta Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar (BBM) adalah bahan yang digunakan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih bermakna, aktif dan menyeronokkan. Penggunaan BBM dalam pengajaran memberikan impak yang positif seperti meningkatkan keseronokan murid, menjadikan pengajaran lebih aktif serta meningkatkan kefahaman kanak-kanak mengenai satu-satu topik pengajaran (Nur Farizah Mohd Bakhrir, Mohd Zazril Ikhmal Zamri, 2016).

Hasil kajian mendapati guru tadika Islam juga memerlukan latihan dalam bentuk bengkel atau amali (hands-on) dalam mencipta bahan bantu mengajar. Mereka memerlukan pendedahan dalam memilih atau mencipta BBM serta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak di Tadika. Mereka juga mencadangkan agar latihan untuk tujuan ini dijalankan dalam bentuk bengkel atau amali kerana para guru dapat merasai dan bersoal jawab dengan terus kepada pakar yang dijemput. Cara ini akan menjadikan ianya lebih berkesan daripada kaedah ceramah atau perkongsian semata-mata. Perkara ini dibangkitkan oleh seorang peserta semasa perbincangan iaitu informan G5 seperti yang berikut:

“ ... macam kalau kita mengajar sains, mestilah ada bahan bantu mengajar yang bersesuaian. Saya sendiri rasa bingung mahu pilih bahan bantu yang macam mana. Adakah perlu buat sendiri atau macam mana. Saya rasa perlu ada pendedahan pasal ini. Mesti bengkel. Supaya peserta boleh buat terus. Selama ini ceramah-ceramah sama teori-teori sahaja. Kalau bengkel kita boleh buat terus ... ”

(G5)

Daripada kajian ini, didapati bahawa para guru memahami kepentingan dan keperluan penggunaan bahan bantu mengajar di dalam menjalankan aktiviti pembelajaran untuk kanak-kanak tadika. Apa yang menjadi permasalahannya adalah keterbatasan idea dalam memilih BBM yang bersesuaian dengan konten pembelajaran. Oleh itu, didapati bahawa latihan dan pendedahan mengenai BBM juga menjadi keutamaan dan perlu diberikan perhatian.

Mengendalikan Tingkah Laku Kanak-Kanak

Para informan menyatakan kesulitan mereka berdepan dengan kanak-kanak masa kini. Mereka sukar untuk memahami tingkahlaku kanak-kanak serta memerlukan ilmu dan pendekatan yang sesuai dalam mengendalikan tingkah laku kanak-kanak. Mereka menyatakan bahawa kanak-kanak kini berbeza dengan kanak-kanak yang lalu. Sikap dan tingkah laku mereka berbeza dan ini memerlukan cara yang berbeza untuk mengendalikan mereka.

Para informan menyatakan kanak-kanak pada hari ini juga mempunyai daya fokus yang rendah selain mempunyai tahap perkembangan yang berbeza-beza. Selain daripada itu, para guru mempunyai kesukaran untuk mengenali kanak-kanak yang berkeperluan khas dan ini menyukarkan para guru untuk mengendalikan tingkah laku kanak-kanak tersebut. Perkara ini disuarakan oleh salah seorang informan seperti petikan yang berikut:

“... saya dapati kanak-kanak sekarang berbeza dengan kanak-kanak yang saya ajar dahulu. Mereka lebih aktif dan kadang kala tumpuan mereka sangat singkat. Mungkin disebabkan gajet atau asuhan di rumah kan. Kurang interaksi dan sukar untuk dikendalikan. Jadi saya rasa memang saya perlukan tu kursus macam mengendalikan tingkah laku kanak-kanak untuk kami dapat mengendalikan tingkah laku mereka ... Lagi satu, kan ada anak-anak yang istimewa, kami perlu belajar tu cara-cara mengesan masalah dan bagaimana mengurus mereka ...”

(G6)

Latihan Peningkatan Kompetensi Sebagai Guru Prasekolah

Para informan menyedari bahawa untuk menjadi guru prasekolah yang berkualiti dan mampu untuk berdepan dengan cabaran semasa, latihan yang berterusan perlulah disediakan kepada mereka. Latihan yang disediakan perlulah bersesuaian dengan keperluan dan tuntutan semasa. Mereka telah mendapatkan latihan semasa di Universiti bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma akan tetapi mereka masih lagi memerlukan latihan yang berbentuk bengkel dan praktikal kerana kini mereka sudah berada di dalam bilik darjah dan bukan lagi menjalani latihan mengajar.

Latihan-latihan yang diberikan perlu juga seiring dengan perubahan dasar dan polisi dan mereka berharap agar apabila sesuatu dasar diperkenalkan, mereka hendaklah diberikan pendedahan dan latihan yang menjurus kepada pelaksanaan dasar tersebut. Sebagai contohnya pentaksiran kanak-kanak di Prasekolah. Mereka menyedari bahawa terdapat instrumen yang standard digunakan untuk menjalankan pentaksiran dan mereka amat memerlukan pendedahan dan latihan dalam mentadbir dan menjalankan pentaksiran di tadika mereka mengajar.

Selain daripada itu, para informan juga memerlukan satu latihan mengenai strategi dalam meningkatkan kerjasama dan penglibatan ibubapa serta komuniti dalam pendidikan di tadika. Mereka kekurangan idea dalam menentukan bentuk kerjasama bersama ibu bapa dan komuniti serta mereka memerlukan perkongsian pengalaman mengenai amalan terbaik dalam memupuk kerjasama ibubapa dan komuniti dalam pendidikan di tadika. Latihan untuk aspek ini mestilah menjurus kepada perancangan, pelaksanaan dan penilaian program kerjasama bersama ibubapa serta bagaimana menjalankan promosi dalam menjalankan program-program kerjasama tersebut.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, para guru tadika Islam di Wilayah Persekutuan menyedari kepentingan latihan dalam meningkatkan profesionalisme dan kompetensi mereka. Bagi menjamin keberkesanan latihan-latihan yang diberikan satu analisis keperluan latihan hendaklah dijalankan dengan menjalankan temubual secara lisan atau menerusi borang soal selidik. Di dalam kajian ini adalah dicadangkan kursus-kursus yang diperlukan adalah Kursus penggunaan teknologi dalam pengajaran, pengajaran bahasa Inggeris, menjalankan pentaksiran perkembangan kanak-kanak, kawalan tingkahlaku kanak-kanak, membangunkan alat bantu mengajar dan membuat pengesanan kanak-kanak berkeperluan khas. Sehubungan dengan itu

jenis-jenis latihan yang diperlukan adalah Kursus Informasi Teknologi untuk Pengajaran, Pengurusan Tingkahlaku Kanak-Kanak, Kursus Pengendalian Emosi, Bengkel Penghasilan Bahan Bantu Mengajar, Pengurusan Bilik Darjah, Pentaksiran Kanak-Kanak, Kolaborasi Ibubapa dan Komuniti, Mengenali Kanak-kanak Berkeperluan Khas dan Kursus Pedagogi terkini.

Penghargaan

Kajian ini berdasarkan projek penyelidikan yang bertajuk Peningkatan Profesionalisme Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Satu Analisis Keperluan Latihan di Tadika Islam MAIWP. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS (kod: PICOMS/TNCP/RMC/Geran/2021 (28) yang membantu membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony & Nur Arifah Syahindah Zainudin, 2019 (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33-41.
- Afezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Angela Chan Nguk Fong, & Zukhuriatul H Mhd Yusof. (2017). Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama di Selangor. *National Pre University Seminar 2017*. Kuala Lumpur. 23 Ogos.
- Chua Yan Piaw. (2014). Kaedah Penyelidikan. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Higher Education.
- Chuanmei Dong (2018) Preschool teachers' perceptions and pedagogical practices: young children's use of ICT, *Early Child Development and Care*, 188(6), 635-650
- Creswell, J. W. (2012). Educational Research (Planning, Conduction and Evaluating Quantitative and Qualitative Research) (4th Ed). Boston: Pearson.
- Creswell, J.W. (2014). Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches. Los Angeles: SAGE Publications.
- Merriam, S. B. (2009). Qualitative Research A Guide to Design and Implementation (2nd Ed). San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). An Expanded Sourcebook Qualitative Data Analysis (2nd Ed). Sage Publications, Inc.
- Nur Faridah Mohd Bakhir, Mohd Zazril Ikhmal Zamri, (2016). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Papan Pelbagai Sentuh untuk Pembelajaran Sains. *2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (Reka2016)*. Pulau Pinang. 26-27 September.
- Nyumba, T.O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N., (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. Retrieved from <https://besjournals.onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/2041210X.12860>
- Zainurin Dahari Dahari & Mohd Sabri Ya (2011) Factors that influence parents' choice of preschools education in Malaysia: an exploratory study. *International Journal Business and Social Science*, 2 (15) 115-128.
- Zdanevych L.V, Kruty K.L, Tsehelnik T.M, Pisotska L.S, & Kazakova N.V. (2020). The Formation of Key Competences in the Training Process of Preschool Education Specialists (Experience of the United Kingdom, Germany, Ukraine). *International Journal of Higher Education*. 9(7). 196-206.
- Zuriani Hanim, and Mahaliza Mansor. 2019. "Persepsi Guru Prasekolah Kebangsaan Terhadap Program Pembangunan Profesional Guru". *Southeast Asia Early Childhood Journal*. 8 (1), 30-36.